

CATATAN LEGASI PUSTAKAWAN MULIA

(Dedikasi buat Dr. Sharif)

Menunggu pagi 10 Disember bagai tak pasti
Aku akan berziarah keluarga simati?
Terkilan dan aku mengutuk diri sendiri
Kenapalah aku memenatkan saat akhirnya dengan pertanyaan
Maka dia mengutus ku emel jam 2:57
Dan tidak lama, sekitar jam 3:40 berpulang ke Rabb al-Jalil
Lalu saat dikhabarkan dia pergi aku bertanya
“Dr. Sharif mana?”

Perbualan telefon terakhir lembut mengesankan
“Esok siapa yang datang *meeting*?”
“Kita mula pukul sembilan kan?”
“Eh apa pulak, kan sembilan setengah ...!?”
“Setiausaha kena datang setengah jam awal ... Banyak nak bincang esok”
“Tapi saya tak boleh lambat sangat ... nak ke *airport*”
“Pukul berapa dia sampai? Tujuh lebih”
“Oh, boleh la kita *meeting* sampai pukul empat ke lima”

Esoknya saat permisi
Dia yang masih duduk di tempat pengerusi
Menghantar ku dengan pandangan yang sayu dan jauh
Aku jadi cuak mengangkat kaki
Serasa ingin berpatah balik menatap dia lagi
Lambat-lambat aku berjalan ke kereta
Tau-tau terdengar di muka surau dia mengisahkan
“Lambat pulak Internet, tak lepas-lepas”
Aku pun menghentikan langkah sedia berbual kecil
Dan melihat dia mengusap-usap kepala si cilik di bangku
“Mana boleh datang *library* bawa pistol ...”
Selesa saja adik itu tersengih tidak menguit
Walau pun si Pakcik menyebut-nyebut perkataan polis

Balqis Suja'

Sudah kerap aku tersua
Dia memesrai kanak-kanak
Tak pilih yang comel malah yang sangat biasa-biasa
Sangat lembut dan asli kasih sayangnya
Patutlah bukan susah dia berkisah
Tidak kekok mengendali sesi *children literature*
Ceria kalau bercerita tentang anak-anak saudara
Maka aku pun mengagak dia ini paman pujaan
Pasti anak yang baik
Ahli PPM bernombor L 28 ini
Hari lahirnya pun ada tiga angka lapan
Ketika dana ke Syracuse dijamin
Diserah semua simpanan kepada ibu ayah
Jadi tahun 1988 itu
Dia menyumbang agar mereka dapat pertama kali ke Mekah

Aku terkenang sembang-sembang pemilu 5 Mei 2013
Dia menyampaikan ulasan selari membuang undi
Bunyi bingit barangkali, dia bertanya
“Kamu ni kat mana, apa yang bunyi huru-hara”
“Oh, saya tengah bawak kereta
Anak-anak seronok tengok pesta pilihanraya
Di kiri kanan orang bersorak ala-ala reformasi”
Begitulah ...
Kami boleh bersembang banyak perkara
Dulu, setahun sebelumnya
Kami berebut *sticker* Bersih 3.0 ketika beramai-ramai dijamu selera
Aku terharu mengingat
Dia mengunjak latihan ke Amerika oleh OCLC
Tapi aku di katil hospital
Melahirkan bayiku yang dicanangnya sebagai Pierre Andre

Hari itu, sebelum mesyuarat majlis pertama setelah kau tiada
Dengan berat aku perlu menghapus: Pengerusi, Presiden, Dr. Sharif
Bagai tak percaya perlu melakukan itu semua

Kata nama am dan khas itu bertukar
Namun ruh dan semangat mu masih di situ

Oh, engkau yang istimewa telah pergi
Sosok seorang Melayu yang agak besar
Dalam kepustakawanan Malaysia engkau orang besar
Memang nobat itu sesuai untuk pengorbanan mu yang besar
Kami tak pernah pula lihat kau membesarkan diri
Di mana-mana ada logo PPM di acara besar industri
Tidak hairan kalau tuan rumah lupa mengundang
Kau hadir mengambil tempat bersama-sama tetamu kecil
Jangan PPM diperkecil kerana ketiadaan wakil
Kalau diundang pun
Tak mengapa tiada yang mempersilakan duduk
Yang lain-lain berbesar hati mendepa tangan menyambut
Tidak juga dia meninjau-ninjau peluang
Dirakam gambar di sebelah orang besar
Sangat menghargai undangan pihak-pihak berkepentingan
Selayaknya pula membalas jemputan
Cara beradab seorang pemimpin persatuan

Sewaktu-waktu jika ada yang pernah tersentak
Ah, lupakanlah tutur seorang bermulut cap Melaka
Terus terang tidak simpan di hati
Zaman ini pun banyak haru-biru
Makin sedikit boleh menegur jadi seorang pemberani

Dia mendokong amanah dengan khidmat dan buah fikiran
Serba boleh tidak terhad *information literacy* dan pembangunan perpustakaan
Membuka ruang memberi peluang jangan sampai tertutup jalan
Yakin tidak malap sinar atau berkurang seri jika berkongsi
Mudah ke tepi ke tengah
Tuan rumah yang meraikan si musafir
Pengembara bertamu yang menggembirakan tuan rumah
Spontan menerbitkan tawa mengusik ramah memula bicara
Segera mengunjungi yang sakit rupanya kau mendahului mereka

Balqis Suja'

Sahabat setia penuh pengertian
Sukar didapati jarang ditemui

Kepala pejabat yang mengambil tahu dengan terperinci
Membimbing agar semuanya kena
Prihatin tak lupa bertanya makan minum sakit pening
Tidak berkira kepada yang memberi khidmat
Siasat tidak panjang memberi makna pada yang susah
Bukan yang pemurah hanya kepada diri sendiri
Mengaplikasi teliti bab duit seolah berniaga
Memang darah Cina mengalir lebih kuat dari Mohd. Saad bapanya
Selalu rela merobek poketnya sendiri
Biar kurang rabak kantung persatuan kami

Sudah lebih sepuasnya engkau pergi
Airmata masih hangat
Ah, sunyinya
Syawal nanti tiadalah ucapan Aidilfitri
Engkau seorang guru tidak kekok memulai
Rendah hati dengan pesan dan ucapan maaf kepada si murid
Syawal ini juga tiadalah hadiah kain dan telekung
Untuk keluarga dan orang tua yang lazim kau ziarahi

Ucapan takziah menyentuh hati penuh erti
Keluarga kehilangan seorang ahli
Profesion LIS kehilangan seorang pengabdian
Akademia kehilangan si pintar terpilih
Negara kehilangan duta industri
Adakah seorang Dr. Sharif lagi?

Hari itu aku bermimpi
Ditunjuki rumah saat bertanya arah
Dr. Sharif dah pindah
Aku lihat ada dua rumah saling bertentangan
Indah persis tema Alice di Wonderland
Betul-betul seperti fotokopi

Balqis Suja'

Versi yang baru itu diperbesar cerah dan lebih meriah

Limpahkanlah rahmat mu ya Allah
Gandakanlah markah perbuatan baiknya
Seluruh amalnya dikurnia ganjaran
Syarah dan surahnya jadi jariah berpanjangan
Tiada kesalahannya kecuali Kau ampunkan
Naikkanlah taraf rumahnya jadi istana
Jadikanlah kuburnya terang bercahaya

Terima kasih ya Allah kerana meminjamkannya kepada kami
Ambil kiralah doa, Yasin dan Fatihah daripada kami
Keluarga, anak didik, penerima budi dan teman-teman yang menyayangi
Buat Mohd. Sharif bin Khatijah binti Mahadi yang dikasihi

BALQIS SUJA'
12 Rabi' a-Awwal 1435